

Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah

Human Value In Folktales: An Observation on Takmilah

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah*

alhakim201@yahoo.com

Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

Mohd Firdaus Che Yaacob

firdaus.cy@umk.edu.my

Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

Received: 13 November 2021; **Accepted:** 20 April 2021; **Published:** 20 April 2021

To cite this article (APA): Mohamad Hanafiah, M. N. A.-H., & Che Yaacob, M. F. (2021). Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 11-25. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.2.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.2.2021>

ABSTRAK

Cerita lisan merupakan sebuah khazanah yang berharga dan seharusnya dipelihara sebagai pedoman kepada masyarakat. Hal ini demikian kerana, kisah-kisah yang berkisar dalam cerita lisan sangat kaya dengan nilai termasuk nilai-nilai kemanusiaan yang menggambarkan corak hidup masyarakat Melayu terdahulu. Kajian ini berpaksikan dua objektif, iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam cerita lisan. Seterusnya, nilai-nilai kemanusiaan akan diaplikasikan dengan teori Takmilah. Pengaplikasian teori Takmilah dilakukan dalam kajian ini bagi memantapkan hujah analisis kajian. Kajian ini dapat memberi kesedaran kepada pembaca untuk lebih menghargai cerita lisan. Seterusnya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan melibatkan kaedah kepustakaan dan teks bagi memastikan data yang diperolehi adalah tepat dan sistematik. Kajian ini akan memberi pencerahan mengenai nilai-nilai kemanusiaan seperti baik hati, rendah diri, murah hati, sedia memaafkan dan hormat menghormati. Hasil kajian ini membuktikan cerita lisan sarat dengan nilai-nilai kemanusiaan yang mampu mendidik khalayak ke arah lebih baik dan bertamadun.

Kata Kunci dan Frasa: Nilai-Nilai Kemanusiaan; Cerita Lisan; Masyarakat Melayu; Takmilah

ABSTRACT

Folktales are a valuable treasure and should be preserved as a guide to society. This is because, the stories revolve around the very rich oral storytelling including the human values that reflect the lifestyle of the community first. This study has two objectives, namely, to identify and analyze the values of humanity contained in folktales. Next, the values of humanity will be applied to the Takmilah theory. Application of Takmilah theory aim of this study is to enhance the research argument. It is hoped that this study will help readers to appreciate the folktales. Further, this study adopts a qualitative approach by incorporating library and text methods to ensure that the data obtained is accurate and systematic. This study will shed light on human values such as humility, humility, generosity, willingness to forgive and respect. The results of this study prove folktales loaded with human values that are able to educate the public towards a better and more civilized.

Keywords and Phrases: Human Values, Folktales; Malay Community; Takmilah

PENDAHULUAN

Pada hakikatnya, karya sastera yang paling tua adalah sastera lisan, atau dikenali sekarang sebagai sastera rakyat atau cerita rakyat, dimiliki oleh hampir semua peradaban bangsa di dunia dan merupakan warisan bangsa yang diperturunkan daripada generasi terdahulu kepada generasi terkini, Mohd Taib Osman (1965). Menurut Arba'ie Sujud, Liliy Salwani Bt Razali dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2011), cerita lisan Melayu terkandung fenomena sosial masyarakat Melayu yang perlu dikaji bagi mendapatkan unsur positif di dalamnya. Selain itu, Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2014) berpendapat bahawa cerita rakyat atau cerita lisan Melayu merupakan salah satu panduan untuk masyarakat kini menyelesaikan konflik dan masalah yang timbul kerana terkandung kebijaksanaan masyarakat Melayu terdahulu di dalam cerita lisan Melayu. Tambahan lagi, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), cerita lisan Melayu sesuai dijadikan medium untuk merungkai soal kebudayaan, pemikiran, cara hidup, kepercayaan, adat istiadat dan impian masyarakat Melayu terdahulu. Sehubungan itu, cerita lisan Melayu adalah suatu penceritaan secara lisan yang mempunyai kesinambungan antara alam dan manusia yang berupaya menceritakan sesuatu kisah dengan menarik. Namun begitu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), menerusi kajian-kajian beliau setakat ini menegaskan bahawa, karya sastera lama ini semakin tenggelam dalam peredaran zaman dan khazanah keagungan ini wajar didokumentasikan dan dimartabatkan kerana ianya cukup bernilai kepada masyarakat pendukung dan berperanan sebagai aset apresiasi. Pendapat ini menunjukkan bahawa cerita lisan Melayu menjurus kepada ekspresi kebudayaan yang mempunyai pertalian yang utuh dengan bangsa manusia. Hal ini bermaksud, cerita lisan Melayu merupakan salah satu ranting dalam kesusasteraan rakyat dan disebarikan oleh masyarakat terdahulu serta ianya dimiliki secara bersama oleh sesebuah masyarakat.

Di samping itu, cerita lisan Melayu juga merupakan bukti kearifan tempatan orang Melayu dalam menyebarkan nilai murni positif terutamanya nilai kemanusiaan kepada masyarakat Melayu. Cerita lisan Melayu yang sememangnya medium penyebaran nilai positif ketika itu juga secara tidak langsung telah menyebarkan nilai-nilai kemanusiaan kepada masyarakat Melayu tradisional untuk dijadikan pegangan hidup. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Rezki Perdani Sawai (2009), nilai-nilai kemanusiaan merangkumi nilai akhlak dan nilai moral yang mana memberi maksud perangai atau tingkah laku, tabiat, kepercayaan, pegangan atau agama hasil daripada sesuatu yang diajar, dilihat atau didengari. Oleh itu, kajian yang lebih bersifat akademik mengenai cerita rakyat amat wajar dilakukan dan diangkat martabatnya supaya khazanah bangsa yang sarat dengan nilai kemanusiaan ini terus terpelihara seterusnya dijadikan rujukan yang mampu membentuk akhlak dalam masyarakat Melayu.

SOROTAN KAJIAN

Sejumlah kajian lepas telah dikumpul dan dianalisis bagi mengenal pasti kelompongian kajian. Hal ini penting bagi memastikan tidak berlaku pertindihan isu atau aspek kajian khususnya aspek nilai. Oleh itu, beberapa kajian mengenai nilai telah dianalisis dan mengesan beberapa aspek kajian.

Kajian yang bertajuk *Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni* telah dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2014). Kajian ini menekankan aspek nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat terhadap pembentukan moral kanak-kanak. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung di dalam cerita rakyat sebagai medium kepada pembentukan moral kanak-kanak. Seterusnya, analisis kajian ini bersandarkan kepada Teori Pengkaedahan Melayu bagi menghasilkan hujah yang lebih meyakinkan. Seterusnya buku *Himpunan 366 Cerita Rakyat* di Malaysia yang diselenggara oleh Othman Puteh dan Aripin Said pada tahun 2013. Lantaran itu, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Hasil kajian ini mendapati bahawa sememangnya terdapat nilai-nilai murni yang berupaya menjadi pendorong terhadap pembentukan moral kanak-kanak. Oleh itu, cerita rakyat Melayu seharusnya dimartabatkan ke peringkat lebih tinggi supaya ianya terus kekal menjadi pedoman kepada masyarakat.

Kajian seterusnya telah dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) yang memfokuskan nilai baik hati dalam cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu. Seterusnya, kajian ini berpandukan objektif, iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai baik hati yang terkandung dalam cerita rakyat dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang diilhamkan oleh Hashim Awang (1989) bagi memantapkan lagi huraian analisis. Di samping itu, menerusi kajian ini turut menggunakan teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* sebagai data kajian. Di samping itu, kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan teks. Hasil kajian mendapati bahawa cerita rakyat Melayu sememangnya terkandung nilai baik hati yang berupaya memberi motivasi kepada masyarakat Melayu supaya menerapkan nilai baik hati dalam kehidupan.

Seterusnya, kajian mengenai cerita rakyat yang mengutarakan elemen kepentingan nilai dan kebudayaan yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu melalui perisian E-Cerita Rakyat kepada kanak-kanak sekolah rendah. Kajian ini telah dilakukan oleh Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi dan Awang Azman Awang Pawi (2017). Selain itu, kajian ini tertumpu kepada perbincangan mengenai nilai yang terdapat di dalam lirik lagu menerusi cerita rakyat Melayu yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Selain itu, kajian ini menggunakan media cerita rakyat yang telah diadaptasi ke dalam bentuk lirik lagu sebagai data kajian. Oleh hal yang demikian, kajian ini turut menggunakan reka bentuk kualitatif dengan merujuk teks. Sebagai rumusannya, cerita rakyat yang disampaikan melalui lirik-lirik lagu yang dijalin dengan melodi yang menarik telah menjadi pilihan kegemaran kanak-kanak.

Di samping itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menjalankan kajian mengenai cerita rakyat menerusi kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini berkisarkan tentang aspek nilai murni yang terkandung dalam naratif lisan yakni cerita rakyat di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Sehubungan itu, cerita rakyat dikumpul dan dikenal pasti nilai murni yang terkandung di dalamnya. Setelah itu, nilai-nilai murni tersebut dianalisis dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral, dakwah dan kemasyarakatan. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk kaedah kepustakaan dan lapangan. Di samping itu, pengkaji membataskan 43 naratif lisan yang digunakan sebagai data kajian. Hasil mendapati cerita rakyat di lembangan Sungai Pengkalan Datu mengandungi nilai murni yang boleh dijadikan landasan kepada masyarakat Melayu untuk membentuk masyarakat yang berakhlak mulia.

Kajian cerita rakyat yang bertajuk *Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia* oleh Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak dan Siti Ezaleila Mustafa (2019). Kajian yang lebih tertumpu kepada aspek transformasi ini telah dijalankan bagi membincangkan sejauh mana transformasi penyampaian cerita rakyat di Malaysia sesuai dengan perkembangan teknologi dan pengenalan Dasar Industri Kreatif Negara. Rentetan itu, pengkaji telah mengenal pasti beberapa judul cerita rakyat yang telah diadaptasi kepada media digital dan format yang telah digunakan oleh para penerbit dalam proses adaptasi tersebut. Selain itu, kajian ini telah menggunakan pendekatan rekonstruksi bagi memantapkan lagi analisis kajian. Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa, cerita rakyat di Malaysia masih belum berkembang selaras dengan perkembangan teknologi masa kini. Oleh itu, usaha yang lebih jitu harus dilakukan bagi memelihara khazanah kebangsaan ini dan seterusnya memartabatkannya ke peringkat yang lebih tinggi.

PENYATAAN MASALAH

Sejumlah kajian lepas telah dikumpul dan dianalisis bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang timbul dan kelompongan kajian. Kajian-kajian berkaitan nilai dan cerita rakyat menjadi fokus utama dalam penelitian ini. Antara kajian lepas yang dinalisis termasuklah *Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2014), *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016), *Disemination of Values through the E-Folklore* oleh Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan Awang Azman Awang Pawi. (2017), *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di*

Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) dan *Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia* oleh Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak dan Siti Ezaleila Mustafa (2019).

Melalui sorotan kajian di atas, terdapat kelompongan kajian yang dikesan pada aspek nilai dalam kajian-kajian lepas. Terdapat pelbagai kajian mengenai nilai seperti nilai murni, baik hati dan nilai budaya dalam cerita lisan Melayu telah dikaji oleh para cendekiawan dalam usaha memartabatkan cerita lisan Melayu. Namun begitu, kajian nilai dilihat masih belum dilakukan secara menyeluruh oleh para sarjana. Kelompongan kajian yang dikesan melalui penelitian terhadap sejumlah kajian lepas di atas mendapati bahawa kajian mengenai nilai kemanusiaan dalam cerita lisan masih belum dilakukan. Oleh itu, kajian terhadap nilai kemanusiaan wajar dilakukan supaya kepelbagaian aspek kajian mengenai cerita lisan Melayu terus bertambah sekali gus mendorong usaha untuk memartabatkan cerita lisan Melayu sebagai sebuah khazanah yang tidak ternilai.

BATASAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan tertakluk kepada beberapa batasan iaitu hanya terbatas kepada 10 buah cerita rakyat yang dipilih dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* untuk mengkaji nilai kemanusiaan yang terkandung di dalamnya. Antara tajuk yang dipilih termasuklah *Perahu Bunga Emas, Tukang Besi dan Tukang Kayu, Wak Sino Tukang Gasing, Bawang Putih Bawang Merah Ular dan Gurunya Buluh, Bukit dan Pokok, Angsa Berbulu Emas, Bertukar Menjadi Batu, Mengapa Pinggang Kerengga Ramping* dan *Raja Kuyuk*. Teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* ini diselenggara oleh Zainariah Abdul Wahab, diikuti oleh Nur Syafiqah Yusoff dan akhir sekali Fatimah Abdul Nasir dan diterbitkan oleh Edukid Publication Sdn Bhd pada tahun 2017.

Selain itu, penelitian ini hanya terbatas pada aspek akhlak dan akan dianalisis menggunakan teori Takmilah menerusi lima prinsip, iaitu sastera dengan ilmu, pengkarya mengistimakan diri, khalayak memupuk ke arah insan Kamil khalayak dengan sastera, keislaman bersifat Akmal dan ketuhanan bersifat Kamal. Pendekatan dan prinsip Takmilah digunakan dalam kajian ini kerana ia dilihat sangat bertepatan dengan fokus kajian iaitu berkaitan nilai kemanusiaan dalam cerita rakyat Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif, iaitu melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Pengkaji telah berkunjung ke perpustakaan dengan tujuan untuk mengumpul seberapa banyak bahan dan sumber rujukan mengenai kajian cerita rakyat dan teori Takmilah. Antara perpustakaan yang dikunjungi termasuklah Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Kaedah ini membolehkan maklumat diperolehi secara formal melalui kaedah kepustakaan.

Manakala teks pula digunakan dengan cara membaca teks kajian iaitu *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Ianya digunakan adalah bertujuan untuk mengenal pasti beberapa buah cerita lisan dan dipilih secara rawak serta dibaca sebanyak tiga kali.

Selanjutnya, kajian ini akan memperincikan tentang teori Takmilah yang diilhamkan oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1996. Menurut Shafie Abu Bakar (1996), 'takmilah' ialah istilah yang berkait rapat dengan sifat Kamal Allah yang bererti sempurna. Melalui kata dasar sempurna ini telah lahir perkataan 'takmilah' yakni menyempurnakan. Justeru, melalui perkataan ini menunjukkan bahawa karya yang dikaji menggunakan teori Takmilah menjadi sempurna lagi menyempurnakan. Menurut Mana Sikana (1997), pada tahun 1996, Shafie Abu Bakar telah memperhalusi dan memantapkan lagi teori Takmilah dengan mengutarakan 7 prinsip. Prinsip-prinsip tersebut termasuklah prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip Islam yang bersifat Akmal, prinsip Ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil.

Pertama, prinsip yang terkandung dalam Teori Takmilah ialah Ketuhanan Bersifat Kamal. Menurut Shafei Abu Bakar (1997), prinsip pertama dalam teori Takmilah ini menghuraikan hubungan dua sifat Allah SWT iaitu Kamal (sempurna) dan Jamal (keindahan). Kesempurnaan-Nya yang jelas dilihat melalui makhluk kejadianNya. Seterusnya, prinsip Rasul sebagai insan Kamil. Prinsip keRasulan sebagai insan “Kamil” mempunyai pertalian dengan Rasulullah SAW sebagai insan “Kamil” yang mempunyai pertalian dengan istilah “Kamal” bererti sifat Allah yang Maha Sempurna (Kamariah Kamaruddin, 2016).

Seterusnya, prinsip Islam bersifat Akmal. Menurut Shafei Abu Bakar (1997), prinsip yang ketiga ini menjelaskan Islam merupakan satu-satunya agama yang diredhai-Nya dan merupakan agama yang sempurna dari segenap aspek dan prinsip hubungan sastera dengan ilmu bersifat “Takamul” (Shafei Abu Bakar, 1997). Selain itu, Teori ini memiliki prinsip sastera bercirikan estetik dengan melihat sastera yang berciri estetik ini dapat dilihat dari dua aspek iaitu keindahan lahiriah dan keindahan maknawi (Shafei Abu Bakar, 1997).

Seterusnya, prinsip pengkarya mengistimakan diri merupakan tunjang kepada pengkarya itu sendiri melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu kIslam dan ilmu-ilmu yang berhubung dengan sastera iaitu seorang sasterawan muslim seharusnya tergolong dalam golongan yang alim dalam ilmu-ilmu Islam terutama ilmu yang ingin disampaikan kepada khalayak (Shafei Abu Bakar, 1997). Di samping itu, prinsip hubungan khalayak dengan sastera merupakan suatu hubungan rapat antara satu sama lain yang memperincikan tentang pendidikan, dakwah, menanam nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sesuatu yang mengajak ke arah kebaikan (Shafei Abu Bakar, 1997).

ANALISIS KAJIAN

Pada bahagian ini, analisis kajian hanya tertumpu kepada perbincangan nilai kemanusiaan seperti baik hati, rendah diri, murah hati, sedia memaafkan hormat-menghormati persahabatan, bersyukur, taat dan percaya kepada tuhan. Sehubungan itu, analisis nilai baik hati merujuk kepada cerita lisan yang bertajuk *Perahu Bunga Emas*, murah hati pula *Wak Sino*, *Tukang Gasing*, rendah diri merujuk kepada cerita lisan *Tukang Besi dan Tukang Kayu*, sedia memaafkan merujuk kepada cerita lisan yang bertajuk *Bawang Putih Bawang Merah* sebagai pilihan cerita, hormat-menghormati ialah *Ular dan Gurunya*, *Buluh*, nilai persahabatan merujuk kepada cerita lisan *Bukit dan Pokok*, nilai bersyukur pula merujuk kepada cerita lisan yang bertajuk *Angsa Berbulu Emas*, seterusnya nilai taat yang merujuk kepada cerita lisan bertajuk *Bertukar Menjadi Batu* dan *Mengapa Pinggang Kera Ramping* dan akhir sekali nilai percaya kepada tuhan merujuk kepada cerita lisan bertajuk *Raja Kuyuk* Sehubungan itu, nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung di dalam cerita lisan ini turut diaplikasikan menggunakan Teori Takmilah.

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), nilai merupakan tanggapan berkenaan sesuatu perkara yang diinginkan dan pada masa yang sama menjadi penanda aras nilai murni sesebuah masyarakat yang tentunya bersandarkan kepada agama dalam mendorong pembentukan kehidupan setiap insan menjadi lebih baik, berakhlak mulia dan memiliki nilai murni yang tinggi dalam usaha untuk melahirkan sebuah kehidupan bermasyarakat yang unggul. Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa nilai merupakan batu asas kepada pembentukan sifat-sifat mulia, peradaban dan bertamadun yang harus dimiliki oleh setiap manusia untuk mewujudkan hubungan yang murni dengan sesama manusia, alam semesta dan Maha Pencipta yakni Allah S.W.T.

Di samping itu, definisi nilai juga boleh dirujuk kepada pendapat Hashim Musa (2008), di mana nilai dapat dibahagikan kepada empat jenis, iaitu nilai estetika, nilai moral, nilai doktrin dan nilai budaya. Keempat-empat jenis nilai ini akan menjadi utuh dan mantap sekiranya dijalin dengan ajaran Islam yang bertunjangkan al-Quran dan Sunnah. Pendapat ini disokong oleh Nik Azis Nik Pa (1990), yang menyatakan nilai sering dikaitkan dengan budi pekerti yang luhur dan akhlak yang mulia. Kedua-dua aspek ini tidak akan terhasil sekiranya tidak bertunjangkan agama Islam yakni agama yang diredhai oleh Allah SWT. Sehubungan itu, rangkuman kedua-dua aspek penting tersebut akan melahirkan masyarakat yang beragama, berakhlak dan mempunyai jiwa mantap serta tidak mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir luar. Berdasarkan pendapat ini, wajar bagi masyarakat

Islam untuk mendalami nilai-nilai yang dianjurkan oleh agama Islam melalui pelbagai medium khususnya medium cerita. Gambaran terhadap nilai Islam dalam cerita rakyat amat membantu dalam memberi kefahaman dengan lebih santai kepada masyarakat Melayu.

Menurut Hembing (2000), nilai kemanusiaan adalah sistem fikiran dan tingkah laku yang memberi perhatian terhadap nilai murni dan kepentingan kepada kesejahteraan seluruh umat manusia. Perasaan belas ihsan dan kelembutan hati adalah asas kemanusiaan, di mana perbuatan mengasihi sesama manusia, persekitaran, serta terhadap haiwan walaupun dalam keadaan diri sendiri yang menderita dan sengsara. Di samping itu, seseorang harus memiliki moral yang baik untuk berfikiran dan bertindak menurut prinsip-prinsip kemanusiaan. Kenyataan di atas selaras dengan kenyataan Hashim Awang (1984), yang membincangkan tentang nilai kemanusiaan dalam kesusasteraan seharusnya membicarakan isi nilai kemanusiaan yang terarah kepada prinsip-prinsip kemanusiaan. Kesimpulannya, nilai kemanusiaan merupakan salah satu aspek yang penting dalam sesebuah karya sastera supaya pembaca dididik untuk berbakti dan berlaku baik dalam kalangan manusia.

NILAI BAIK HATI

Menurut Mohd Firdaus dan Normaliza Abd Rahim (2016), nilai baik hati merupakan satu sikap atau perasaan yang wujud untuk memberi dan memenuhi perasaan, keperluan dan kebajikan diri, orang lain dan persekitaran. Hal ini bertujuan memberi faedah, pertolongan, dan manfaat dengan penuh keikhlasan. Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), menegaskan bahawa nilai baik hati merupakan pencetus ketelusan hati seseorang. Ketelusan hati seseorang bergantung kepada hati seseorang itu baik atau pun tidak. Oleh hal yang demikian, nilai baik hati dapat dirumuskan sebagai nilai yang perlu dipupuk oleh setiap manusia supaya dapat melahirkan masyarakat yang lebih menghargai antara satu sama lain. Hal ini juga bertujuan untuk mendidik masyarakat yang mengambil berat sesama insan.

Nilai kemanusiaan yang diutarakan adalah yang terkandung dalam cerita lisan Melayu. Nilai kemanusiaan yang pertama adalah nilai pemimpin yang baik hati telah dikesan dalam cerita lisan bertajuk *Perahu Bunga Emas*. Hal ini dapat digambarkan dalam petikan 1 di bawah:

Petikan 1

“Wali itu melarang para pembesar memungut emas, perak, dan harta benda rakyat. Rakyat yang dipaksa bekerja tetapi hasilnya diserahkan kepada orang lain. Tindakan ini pembesar itu menyebabkan rakyat hidup dalam keadaan derita.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir (2017: 25)

Berdasarkan kepada petikan 1, sumber mengetengahkan gambaran sikap pembesar yang zalim kepada rakyat melalui perbuatan mengeksploitasi harta benda dan tenaga rakyat. Cerita ini juga menggambarkan seorang wali yakni simbol kepada golongan agamawan yang melarang dan menegah perbuatan mungkar yang dilakukan oleh para pembesar. Namun begitu, larangan tersebut tidak diendahkan malahan wali itu telah dimaki hamun, disepak terajang dan dihukum keluar negeri.

Sehubungan itu, kenyataan oleh Hashim Musa (2008) disokong dan ditegaskan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), bahawa nilai baik hati harus dipupuk supaya rasa bertimbang rasa untuk menolong dan meringankan beban penderitaan orang lain. Seseorang pemimpin harus bertanggungjawab dalam memikirkan dan mengurus kebajikan rakyat dan tidak berlaku zalim terhadap golongan bawahan. Oleh hal yang demikian, sebagai pemimpin seharusnya mempunyai hati yang baik dalam menguruskan kebajikan rakyat supaya tidak berlaku ketidakadilan.

Prinsip Takmilah yang diaplikasikan dalam huraian ini ialah khalayak dengan sastera. Prinsip ini menegaskan tentang hubungan khalayak dengan karya sastera tidak dapat dipisahkan. Hal ini dikatakan demikian kerana karya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pemikiran khalayak ke arah isu tertentu yang ingin diketengahkan dalam sesebuah karya. Huraian mengenai nilai pemimpin yang baik dalam cerita lisan di atas dapat dihubungkan dengan prinsip ini. Hal ini

demikian kerana cerita lisan yang bertajuk *Perahu Bunga Emas* ini mengajak pemimpin supaya bersifat baik hati dan tidak menzalimi rakyat. Sekiranya cerita lisan Melayu ini diangkat martabatnya seperti yang diperjuangkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), nescaya nilai kemanusiaan yang terkandung di dalamnya dapat diserlahkan kepada khalayak sesuai dengan prinsip Takmilah. Prinsip hubungan khalayak dengan karya ini berkait rapat dengan jalan cerita kerana isu ini amat rapat dengan isu pemimpin yang tidak menjaga kebajikan rakyat di sesebuah negara. Oleh itu, cerita lisan Melayu ini berjaya menggariskan nilai baik hati dalam konteks pemimpin dan sewajarnya direnung oleh khalayak supaya timbul kesedaran terhadap cerita rakyat dan pemimpin mengenai nilai kemanusiaan baik hati.

NILAI RENDAH DIRI

Menurut Achmad D. Marimba (1981), rendah diri berasal daripada perkataan “tawadhu” yang membawa maksud sifat merendahkan hati kepada sesuatu yang diagungkan. Selain itu, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), nilai merendahkan diri sebuah nilai yang mengajar manusia untuk bersikap sederhana dan tidak sombong dalam kehidupan supaya dapat membentuk sebuah masyarakat yang saling hormat-menghormati dan berakhlak mulia antara satu sama lain. Berdasarkan definisi yang diutarakan oleh para sarjana, rendah diri merupakan sifat yang tidak sombong dan angkuh terhadap orang lain. Oleh itu, rendah diri dalam konteks kajian ini ialah perilaku yang menghargai orang sekeliling dan memuliakan orang lain supaya dapat memupuk pembentukan akhlak ke dalam diri.

Nilai kemanusiaan yang seterusnya ialah nilai rendah diri yang terdapat dalam cerita lisan Melayu bertajuk *Tukang Besi dan Tukang Kayu*. Hal ini dapat dilihat dalam petikan 3 di bawah:

Petikan 3

“Di kampung itu, mereka berjiran dengan orang kaya yang angkuh. Orang kaya ini tidak mempedulikan jirannya. Pada suatu hari, orang kaya memanggil tukang besi dan tukang kayu. Kamu berdua mesti pindah dari sini. Kerja yang kamu lakukan terlalu bising dan saya tidak menyukainya”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir (2017: 70)

Petikan 3 di atas menjelaskan orang kaya tersebut tidak mempunyai sifat rendah diri terhadap jirannya sendiri yang bekerja hanya sebagai tukang kayu dan tukang besi. Selain itu, orang kaya beranggapan bahawa pekerjaan tukang tersebut sangat bising. Lantaran itu, dengan angkuhnya orang kaya itu mengambil keputusan untuk menghalau kedua-dua tukang tersebut dari rumah mereka sendiri. Cerita ini mengetengahkan sikap orang kaya yang angkuh sanggup mengambil keputusan yang kejam demi kepentingan dirinya sendiri. Selain itu, cerita lisan ini mengutarakan kepentingan sifat rendah diri dalam kehidupan bermasyarakat tidak mengira pangkat dan darjat. Pengolahan cerita rakyat ini berjaya menyerlahkan salah satu nilai kemanusiaan iaitu merendahkan diri kepada khalayak. Sehubungan itu, Hashim Musa (2008) berpendapat bahawa manusia yang memiliki sikap merendahkan diri akan sentiasa prihatin dengan manusia lain dalam hubungan sesama manusia. Seterusnya, manusia yang sentiasa mengamalkan sikap merendahkan diri mencerminkan ketinggian iman kerana sentiasa sedar akan segala rezeki yang diperolehi merupakan punca daripada Allah SWT (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Oleh hal yang demikian, manusia yang mengamalkan sikap merendahkan diri akan sentiasa mendapat rahmat tuhan dalam kehidupan kerana sentiasa bersikap rendah dengan manusia dan secara tidak langsung mengakui Allah SWT merupakan Tuhan yang Maha Hebat.

Pengaplikasian prinsip Takmilah dapat digarap melalui prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil (sempurna). Menurut Shafei Abu Bakar (1997), disokong oleh Kamariah Kamaruddin (2016), pengkarya mengajak pembaca merenung kejadian alam semesta dengan mempertalikkannya dengan kehidupan manusia. Berdasarkan pendapat ini, jelas menunjukkan pengolah cerita lisan yang bertajuk *Tukang Besi dan Tukang Kayu* atau karya sastera harus

berperanan sebagai pencetus dalam membawa khalayak untuk memikirkan tentang kebesaran Allah SWT dapat mengatasi keangkuhan diri dan rasa sombong supaya menjadi masyarakat yang merendahkan diri dalam institusi kemasyarakatan. Prinsip ini menggariskan nilai rendah diri dalam cerita lisan Melayu ini dapat memupuk khalayak ke arah insan Kamil selaras dengan gagasan Teori Takmilah oleh Shafei Abu Bakar pada tahun 1996. Hal ini demikian kerana jalan cerita ini membawa pembaca untuk lebih mendalami nilai rendah diri dan memupuk ke dalam diri khalayak sekali gus menyokong prinsip Takmilah telah digagaskan oleh Shafei Abu Bakar ini.

NILAI MURAH HATI

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016), nilai murah hati ialah perbuatan ingin membantu secara ikhlas kepada golongan yang memerlukan sama ada dalam bentuk kebendaan dan sokongan moral. Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), menegaskan bahawa nilai murah hati ialah sikap tidak kedekut untuk berkongsi rezeki dengan orang lain supaya orang sekeliling mendapat faedah yang sama rata. Oleh hal yang demikian, nilai murah hati dapat disimpulkan sebagai salah satu nilai kemanusiaan yang sangat penting dalam menjaga keharmonian antara masyarakat dengan tidak mengabaikan keperluan dan penderitaan masyarakat sekeliling. Nilai kemanusiaan ini ditonjolkan dengan melalui perilaku dermawan dan melakukan kebajikan secara rela tanpa mengharapkan ganjaran.

Nilai murah hati dapat dilihat dalam cerita lisan yang bertajuk *Wak Sino, Tukang Gasing*. Hal ini dapat dilihat dalam petikan 4 di bawah:

Petikan 4

“Di Kampung Permatang Ringgi, tinggal seorang tukang gasing yang pemurah dan baik hati bernama Wak Sino. Suatu hari, seorang pemuda bernama Suman datang menemui Wak Sino. Dia ingin membeli sebuah gasing untuk digunakan dalam pesta gasing. Wak Sino lalu menjual gasing itu dengan harga hanya dua keping syiling emas.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir (2017: 119)

Petikan 4 di atas menjelaskan permulaan cerita mengenai seorang watak bernama Wak Sino digambarkan seorang yang pemurah dan baik hati. Cerita dilanjutkan lagi dengan kemurahan hati Wak Sino yang menjual gasing dengan harga yang murah kepada pelanggannya bernama Suman. Peristiwa ini jelas menunjukkan manusia seharusnya mempunyai nilai kemanusiaan iaitu murah hati dalam kehidupan bermasyarakat. Hal ini demikian kerana, sifat murah hati dapat melahirkan masyarakat yang baik hati dan suka menolong manusia lain. Dalam konteks Islam, nilai murah hati menjadi tuntutan kerana Islam menyeru umatnya untuk berbuat kebaikan dengan berkongsi rezeki yang telah diberikan oleh Allah SWT supaya semua umat mendapat kebaikan. Nilai murah hati merupakan sikap yang suka menderma atau memberi sedekah tanpa mengharapkan ganjaran (Hashim Musa, 2008). Seterusnya, manusia yang memiliki sikap murah hati akan sentiasa disukai oleh orang ramai dan dapat menimbulkan perasaan sentiasa bersyukur dengan rezeki yang berbentuk harta dan hubungan baik sesama manusia (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Lantaran itu, merujuk kepada pendapat oleh kedua-dua sarjana, seseorang manusia yang memiliki sikap murah hati merupakan tanda kehebatan iman di mana perasaan suka berkongsi rezeki kerana Allah SWT yang sentiasa dipupuk dalam diri akan membentuk jati diri seorang Muslim sejati.

Analisis di atas bertepatan dengan prinsip Takmilah iaitu, pengaplikasian teori Takmilah oleh Shafei Abu Bakar (1997), dapat dijelaskan melalui prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri (menyempurnakan) di mana pengkarya atau pengolah cerita rakyat ini harus mengistimakan diri (menyempurnakan) dalam mengolah dan menyampaikan cerita rakyat kepada masyarakat. Hal ini dapat dilihat pengolah cerita rakyat ini berusaha menggarap cerita sebagai sebuah penulisan yang memberi kesedaran mengenai nilai kemanusiaan iaitu murah hati kepada masyarakat. Oleh itu, nilai murah hati wajar dijadikan dorongan untuk memupuk khalayak supaya bersikap

pemurah sesama manusia demi melahirkan masyarakat yang baik hatinya. Selain itu, cerita *Wak Sino Tukang Gasing* ini jelas bertepatan dengan prinsip ini kerana jelas menunjukkan pengolah cerita ini sebenarnya telah menyelit nilai kemanusiaan yakni nilai murah hati. Hal ini bertujuan untuk memupuk khalayak supaya menyemai nilai murah hati dalam diri. Oleh hal yang demikian, prinsip ini menyerlah pengkarya atau pengolah cerita lisan Melayu ini telah mengistimakan diri dengan ilmu dalam menjadikan jalan cerita supaya bermanfaat kepada khalayak.

NILAI SEDIA MEMAAFKAN

Sikap sedia memaafkan ialah sifat luhur dan kuat untuk memaafkan orang lain yang melakukan kesalahan terhadap diri sendiri dan seseorang pemaaf merupakan tanda keimanan yang tinggi terhadap Allah SWT (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2014). Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abdul Rahim (2016), nilai memaafkan ialah sifat mahmudah yang menuntut seseorang yang dalam kondisi marah untuk bertenang dan memaafkan lawannya. Namun begitu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), menegaskan bahawa nilai sedia memaafkan merupakan sikap positif yang sepatutnya ada dalam diri manusia demi mengekalkan hubungan antara manusia. Oleh hal yang demikian, sikap sedia memaafkan dapat disimpulkan sebagai sebuah nilai kemanusiaan yang harus dipupuk secara total terhadap masyarakat supaya dapat membentuk sebuah masyarakat yang tiada sengkata. Selain itu, nilai sedia memaafkan ini sangat penting dalam kehidupan manusia bagi menyeimbangkan hubungan sesama manusia supaya tidak berlaku konflik berpanjangan terutama dalam institusi kekeluargaan.

Seterusnya, nilai kemanusiaan yang dikesan dalam cerita lisan Melayu ialah nilai pemaaf. Hal ini dapat dilihat dalam petikan 5 di bawah:

Petikan 5

“Mak Kundur dan Bawang Merah menangis dan meminta ampun. Bawang Putih yang baik hati meminta putera itu mengampunkan mereka.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir (2017: 21)

Petikan 2 menggambarkan sifat pemaaf ditonjolkan oleh watak Bawang Putih yang mempunyai hati yang baik kerana memaafkan watak antagonis yakni Mak Kundur dan Bawang Merah. Cerita rakyat ini menonjolkan nilai kemanusiaan, iaitu pemaaf yang ada pada diri Bawang Putih sangat penting dalam konteks kekeluargaan kerana boleh menghindarkan daripada terputusnya hubungan kekeluargaan. Sebagai seorang Muslim, nilai pemaaf harus disemai dalam diri demi meraih ketenangan jiwa dan sekali gus menzahirkan keunggulan peribadi seorang Muslim. Sehubungan itu juga, nilai kemanusiaan ini merupakan sikap yang ada pada diri junjungan besar orang Islam iaitu nabi Muhammad SAW. Jadi, cerita rakyat ini berjaya menggambarkan nilai pemaaf melalui watak Bawang Putih dan seharusnya diambil iktibar oleh masyarakat. Manusia yang memiliki sikap memaafkan kepada orang lain akan sentiasa mewujudkan suasana bahagia di antara masyarakat kerana setiap sengketa dihentikan dengan kata maaf (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2016).

Hal ini bertepatan dengan salah satu prinsip Takmilah, iaitu prinsip sastera dengan ilmu yang menggariskan pertalian di antara sastera dengan ilmu harus dijalin dengan rapi. Konsep Takmilah yang mempunyai pertalian antara ilmu dengan sastera ini melibatkan akal dan hati (Shafei Abu Bakar, 1997). Cerita lisan sememangnya disampaikan oleh seseorang yang pastinya berilmu tinggi dan memiliki akal dan hati yang baik dalam memurnikan sesebuah cerita lisan Melayu supaya ianya tidak hanya sekadar cerita tetapi mampu menitipkan ilmu kepada khalayak. Hal ini berdasarkan cerita *Bawang Putih Bawang Merah* yang sarat dengan nilai khususnya nilai kemanusiaan dan pengajaran yang boleh dijadikan ilmu yang berguna dalam menjalani kehidupan berkeluarga. Nilai pemaaf yang ditonjolkan oleh watak Bawang Putih sangat penting untuk disemai dalam setiap diri ahli keluarga untuk mengelakkan konflik dalam institusi kekeluargaan berpanjangan. Oleh itu, tukang cerita atau penglipur lara haruslah melengkapkan diri dengan ilmu dan mempunyai akal dan hati yang murni supaya cerita rakyat yang disampaikan dapat memberi ilmu dan manfaat kepada khalayak.

Menurut Surina Nayan (2001), hormat adalah perasaan atau pandangan yang tinggi terhadap seseorang dengan memberi layanan dan ketaatan yang penuh. Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), menegaskan bahawa nilai hormat-menghormati merupakan sikap memuliakan orang lain mengikut peringkat umur, pangkat dan tahap ilmu pengetahuan atau guru. Selain itu, sikap menghormati dengan budi pekerti dan perasaan yang lembut terhadap orang lain dan hormat akan budaya serta kepercayaan orang lain. Oleh hal yang demikian, nilai hormat-menghormati merupakan salah satu nilai kemanusiaan yang berupaya untuk mengubah kelakuan masyarakat ke arah lebih menghormati antara satu sama lain dan menikmati hidup yang aman sejahtera. Oleh itu, nilai hormat-menghormati harus diterap ke dalam kehidupan bermasyarakat bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian.

Nilai hormat dalam cerita lisan bertajuk *Ular dan Gurunya, Buluh* adalah dalam konteks hormat kepada guru. Hal ini dapat dilihat dalam petikan 6 di bawah:

Petikan 6

“Suatu hari, buluh memerintahkan ular supaya memotong kaki dan tangannya. Kata buluh, ular akan sentiasa dikagumi oleh binatang lain dan menjadi binatang yang istimewa walaupun ketiadaan kaki dan tangan.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiq Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir (2017: 86)

Petikan 6 di atas menggambarkan rasa hormat ular terhadap gurunya iaitu buluh. Ular sanggup memotong kaki dan tangannya kerana dia percaya akan perintah gurunya yang mengatakan bahawa ular akan tetap menjadi binatang yang istimewa walaupun tidak mempunyai kaki dan tangan. Secara umumnya, sehingga kini ular sememangnya menjadi binatang yang istimewa, ditakuti dan sesetengah masyarakat percaya ular merupakan binatang mistik. Hal ini bertepatan dengan kata-kata buluh sebagai guru kepada ular. Nilai hormat kepada guru yang dimiliki oleh ular dalam cerita lisan ini wajar diambil teladan untuk generasi masa kini. Hal ini demikian kerana nilai kemanusiaan iaitu hormat kepada manusia lain amat penting dalam mengekalkan hubungan di antara manusia di muka bumi Allah SWT. Selain itu, Islam sangat menuntut sikap hormat-menghormati kerana ianya berkaitan dengan adab sesama manusia yang harus dipelihara supaya menjadi perilaku yang sesuai untuk dijadikan teladan. Sehubungan itu, Hashim Musa (2008), berpendapat bahawa manusia yang memiliki sikap hormat-menghormati akan sentiasa memiliki budi pekerti yang tinggi dengan memuliakan orang lain berserta kelembutan hati. Kenyataan oleh Hashim Musa (2008) telah disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), yang menyatakan bahawa nilai hormat kepada guru amat penting sebagai tanda hormat kepada guru yang telah banyak mencurahkan ilmu pengetahuan. Sehubungan itu, nilai hormat dalam konteks cerita ini amatlah wajar untuk disemai kepada masyarakat supaya kesedaran terhadap rasa hormat kepada guru terus dikekalkan. Oleh itu, cerita rakyat ini jelas mencerminkan nilai kemanusiaan, iaitu nilai hormat kepada guru yang seharusnya diambil prihatin oleh khalayak.

Prinsip Takmilah oleh Shafei Abu Bakar (1996), yang tepat untuk diaplikasikan dalam huraian analisis ini ialah prinsip sastera dengan khalayak. Sehubungan dengan itu, prinsip ini menegaskan tentang hubungan khalayak dengan karya sastera tidak dapat dipisahkan. Hal ini dikatakan demikian kerana karya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pemikiran khalayak ke arah isu tertentu yang ingin diketengahkan. Sebagai contohnya, nilai kemanusiaan yang ingin diketengahkan dalam cerita lisan ini ialah nilai hormat sesama manusia dalam konteks hormat kepada guru. Oleh itu, cerita lisan harus ditafsir dengan teliti supaya mesej yang ingin disampaikan berjaya diserap oleh khalayak. Cerita lisan Melayu ini jelas menunjukkan hubungannya dengan khalayak, iaitu aspek nilai hormat yang dan diselitkan dalam karya sastera yakni cerita rakyat telah menampakkan usaha memupuk khalayak ke arah mengamalkan nilai hormat sesama manusia.

NILAI PERSAHABATAN

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2014), nilai persahabatan merupakan salah satu nilai kemanusiaan yang mempunyai hubung kait dengan kasih sayang di antara manusia dan juga makhluk

Allah SWT yang lain. Sehubungan itu, hubungan persahabatan yang murni dan ikhlas adalah tidak melibatkan unsur kepentingan diri serta perhubungan yang saling memerlukan di antara satu sama lain. Pendapat ini disokong oleh Azmin Yusof dan Muhamad Ismail Abdullah (2017), bahawa persahabatan adalah jalinan ukhuwah sesama manusia dan hubungan antara makhluk lain. Selain itu, *Kamus Dewan* (2010), persahabatan merupakan perbuatan bersahabat atau perhubungan sebagai sahabat yang erat terjalin. Berdasarkan konteks kajian ini, manusia sebagai khilafah di atas muka bumi Allah S.W.T ini harus menjalinkan hubungan persahabatan dalam persekitaran yang baik.

Nilai persahabatan yang digambarkan dalam cerita lisan Melayu yang bertajuk *Bukit dan Pokok*. Gambaran nilai persahabatan ini dapat dilihat melalui petikan 7 di bawah:

Petikan 7

“Dahulu, pokok dan bukit bersahabat baik. Pelbagai jenis pokok tumbuh di atas bukit antaranya ialah buluh, neram, ara, merbau dan lain-lain. Namun di dalam bukit ada emas dan bukit khatir manusia meletupkannya. Jika perkara itu berlaku, semua pokok akan musnah. Bukit lalu berkata, “Berpindahlah kamu semua ke tempat baharu.” “Ke mana hendak kami pergi?” soal pokok kesedihan.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017:36)

Menerusi petikan 7, sumber jelas menunjukkan nilai persahabatan dia antara pokok dan bukit yang saling memerlukan di antara satu sama lain. Nilai persahabatan digambarkan melalui peristiwa bukit menyuruh pokok berpisah dengannya kerana bimbang akan kekejaman manusia yang akan meletupkan bukit untuk mendapatkan emas. Sehubungan itu, pokok-pokok berasa sedih dengan peristiwa yang terjadi. Namun begitu, itulah nilai persahabatan di mana bukit sanggup berkorban demi menyelamatkan sahabatnya, iaitu pokok. Cerita lisan Melayu ini menonjolkan nilai persahabatan yang boleh diaplikasikan juga dalam kehidupan manusia supaya diamalkan dan membentuk masyarakat yang harmoni. Sehubungan itu, nilai persahabatan juga berkait rapat dengan nilai hormat sesama manusia. Hashim Awang (2008) disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), yang menyatakan bahawa persahabatan harus dijalin dengan rasa hormat sesama rakan supaya hubungan persahabatan dapat diperkukuhkan lagi. Oleh itu, nilai persahabatan yang diserlahkan dalam cerita lisan Melayu ini amat penting untuk dijadikan suri teladan kepada khalayak supaya nilai kemanusiaan ini terus dikekalkan.

Prinsip Takmilah yang sesuai untuk diaplikasikan dalam huraian ini adalah melalui prinsip Takmilah (Shafei Abu Bakar, 1997), iaitu prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil juga diaplikasi dalam cerita rakyat ini. Prinsip ini dilihat pada pembawaan nilai persahabatan dalam cerita rakyat ini dengan menegaskan kepentingan nilai persahabatan. Rentetan itu, cerita lisan Melayu dalam analisis ini dilihat memenuhi kriteria prinsip Takmilah memupuk khalayak ke arah insan Kamil. Hal ini demikian kerana nilai kemanusiaan yang diselitkan dalam cerita ini bertujuan untuk memupuk pembaca atau khalayak supaya mengambil nilai persahabatan sebagai nilai yang penting dalam kehidupan. Oleh itu, nilai persahabatan dan cerita rakyat harus disemai dan didalami sewajarnya supaya dapat dijadikan suri teladan kepada khalayak.

NILAI BERSYUKUR

Menurut Choirul Mahfud (2014), syukur adalah tanda terima kasih umat manusia terhadap Allah SWT. Selain itu, bersyukur dan menggunakan rezeki yang dikurniakan sesuai dengan kehendak dan tuntutan Allah SWT terhadap umat manusia. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), syukur ialah suatu perasaan yang merasa cukup dan bersederhana dalam menjalani kehidupan serta sentiasa berterima kasih orang lain dan Allah S.W.T kerana telah memberi rezeki atau bantuan. Dalam konteks kajian ini, rasa syukur yang sepatutnya dizahirkan oleh masyarakat menjadi nilai kemanusiaan yang penting untuk dipraktikkan kembali dalam usaha melahirkan masyarakat Melayu yang prihatin dengan aspek kemanusiaan. Di samping itu, masyarakat juga harus mengelakkan sifat tamak dan berlebihan supaya mendapat nikmat ketenangan dalam kehidupan.

Seterusnya, nilai bersyukur dapat dilihat menerusi cerita lisan Melayu berjudul *Angsa Berbulu Emas*. Cerita ini mengisahkan seorang watak yang tidak bersyukur dan tamak. Hal ini dapat dijelaskan menerusi petikan 8 di bawah:

Petikan 8

“Selepas dari hari itu, setiap hari angsa akan ke rumah wanita tersebut dan memberikan sehelai bulu emasnya. Kini hidup wanita itu dan anaknya telah senang. Timbullah perasaan tamak di dalam hati wanita itu.”

“Suatu hari dia berkata dua orang anaknya, “Ibu hendak cabut semua bulu emas angsa itu. Kita tak boleh percaya padanya. Mana tahu nanti dia tak datang lagi ke rumah kita.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 22)

Petikan 8 di atas menunjukkan watak wanita itu yang tidak bersyukur dengan rezeki yang diperolehi. Perasaan tamak telah menguasai dirinya sehinggakan dia tidak mengendahkan nasihat daripada dua orang anaknya. Sehubungan itu, dia ingin mencabut kesemua bulu emas angsa tersebut sehingga akhirnya menyebabkan wanita itu menanggung akibat daripada perbuatannya itu.

Hashim Awang (2002) disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), menyatakan bahawa nilai bersyukur adalah sikap yang memupuk manusia ke arah lebih sederhana dan tidak keterlaluan dalam pelbagai aspek terutama dalam aspek rezeki. Hal ini demikian kerana manusia yang mengamalkan nilai bersyukur akan sentiasa merasa tenang dan kehidupan sentiasa diberkati Allah SWT. Oleh itu, pernyataan di atas wajar dijadikan renungan kepada khalayak supaya sentiasa memupuk nilai bersyukur dalam kehidupan demi meraih suasana hidup yang tenang dan harmoni.

Sehubungan dengan ini, melalui prinsip Takmilah (Shafei Abu Bakar, 1997) iaitu prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil (sempurna) diaplikasi dalam cerita rakyat ini. Prinsip ini dilihat pada pembawaan nilai bersyukur dalam cerita lisan Melayu ini dengan menegaskan akibat daripada perangai tamak dapat menyentuh jiwa khalayak supaya sedar akan kepentingan bersyukur dengan rezeki Allah SWT. Rentetan itu, cerita rakyat ini juga diaplikasi dengan prinsip Takmilah memupuk masyarakat ke arah insan Kamil. Hal ini demikian kerana kesesuaian prinsip ini dengan nilai kemanusiaan yang diketengahkan dalam cerita lisan Melayu ini, iaitu nilai bersyukur yang sepatutnya diamalkan oleh umat manusia sebagai hamba Allah SWT merupakan nilai kemanusiaan yang tidak harus dipandang remeh. Sehubungan itu, nilai bersyukur amat penting bagi mengelakkan timbulnya rasa tamak yakni sikap yang negatif dan dilarang dalam Islam.

NILAI TAAT

Menurut Azhariah Abdul Kadir (2010), taat adalah perihal kepatuhan dan kesungguhan hati terhadap agama dan kesolehan. Selain itu, definisi taat dapat dirujuk kepada *Kamus Dewan* (2010), iaitu sentiasa menurut perintah. Taat merupakan perilaku manusia terhadap sesuatu yang bersifat sebagai panduan atau rujukan. Sebagai contohnya dalam konteks kajian ini, masyarakat yang mengambil berat tentang aspek kemanusiaan harus taat kepada ajaran agama Islam dan sentiasa menjadikan ajaran Islam sebagai panduan hidup. Hal ini demikian kerana manusia dan agama tidak harus dipisahkan dan penganut harus memiliki nilai taat kepada agama sebagai seorang manusia yang beragama.

Nilai taat didapati terkandung dalam sebuah cerita lisan Melayu yang bertajuk *Bertukar Menjadi Batu*. Hal ini dapat dilihat melalui petikan 9 di bawah:

Petikan 9

“Seorang raja di sebuah kerajaan baru sahaja memeluk Islam dan mengamalkan undang-undang Islam. Dia mempunyai seorang putera bernama Cham yang suka berfoya-foya”

“Apabila mengetahui niat buruk Putera Cham, guru agamanya lantas menegahnya. Namun, tegahannya itu tidak diindahkan malah dia memaki dan menyebat gurunya itu sehingga meninggal dunia.”

“Dengan tidak semena-mena, kakinya tidak dapat bergerak. Kapal dan seluruh isinya bertukar menjadi batu. Kononnya, itulah asal Bukit Pancing ada di Kuantan hari ini.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017:122)

Petikan 9 di atas menerangkan akibat yang ditanggung oleh Putera Cham kerana melanggar undang-undang Islam dengan melakukan perkara yang lalai seperti berfoya-foya. Dia juga melanggar perintah dan tegahan daripada orang alim seperti watak guru agamanya sehingga sanggup memukul gurunya hingga meninggal dunia. Rentetan daripada itu, Allah SWT telah menurunkan bala terhadap Putera Cham serta isi kapalnya bertukar menjadi batu. Cerita lisan Melayu yang bertemakan cerita kejadian alam iaitu kejadian Bukit Pancing di Kuantan ini telah diolah dengan mantap kerana diterapkan nilai kemanusiaan seperti nilai taat kepada agama Islam. Sehubungan dengan itu, masyarakat Melayu secara tidak langsung akan dirangsang dengan penerapan nilai taat yang terkandung dalam cerita rakyat ini. Seseorang Muslim harus taat kepada Allah SWT, Rasulullah SAW dan Ulil-Amri serta segala hukum yang berpandukan al-Quran sebagai sumber undang-undang utama (Abdul Muhsin Ahmad, 2016). Berdasarkan pendapat ini, menerusi cerita Bertukar Menjadi Batu ini jelas menunjukkan bahawa seseorang Muslim harus memiliki nilai taat kepada agama Islam supaya hidup sentiasa diberkati dan menjadi manusia yang berpegang pada prinsip.

Mohd Firdus Che Yaacob (2015), menyatakan taat kepada sesuatu atau golongan yang lebih mulia seperti pemimpin, ibu bapa dan termasuklah agama Islam adalah sangat perlu dalam kehidupan. Oleh itu, nilai taat merupakan salah satu nilai kemanusiaan yang harus dipupuk dalam hati nurani umat manusia supaya dapat membina sebuah masyarakat yang tiada sengketa dan harmoni.

Menerusi teori Takmilah yang diilhamkan oleh (Shafei Abu Bakar, 1997) analisis ini bersesuaian dengan prinsip keislaman yang bersifat Akmal (sempurna) di mana prinsip ini menggariskan tentang agama Islam sebagai agama yang sempurna dan syumul. Hal ini jelas menggambarkan kisah masyarakat zaman lampau menganut agama Islam harus mentaati undang-undang Islam supaya penghayatan terhadap Islam lebih efektif. Dalam konteks kemanusiaan, prinsip ini sangat tepat kerana nilai taat terhadap agama juga dituntut dalam kehidupan kerana tanpa agama manusia tidak mempunyai panduan yang betul untuk dirujuk. Selain itu, kedua-dua cerita lisan ini juga bersesuaian dengan prinsip ini kerana aspek ajaran agama Islam digambarkan dengan jelas dan diolah dengan baik supaya mesej yang ingin disampaikan itu diserap oleh para pembaca dan khalayak. Oleh itu, cerita rakyat ini harus diteliti dan dikaji supaya mendapat manfaat daripadanya serta memupuk nilai kemanusiaan dalam diri.

NILAI PERCAYA KEPADA TUHAN

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), nilai percaya kepada tuhan merupakan perasaan berserah kepada kekuasaan Allah SWT sepenuh hati. Selain itu, manusia yang beragama Islam harus percaya bahawa dalam setiap musibah pasti ada kuasa Allah SWT yang mutlak berupaya mengatasi musibah tersebut. Di samping itu, percaya kepada Allah dapat meningkatkan tahap ketakwaan seseorang Muslim terhadap kekuasaan Allah SWT. Oleh itu, sebagai seorang manusia, haruslah memupuk salah satu nilai kemanusiaan yang sangat penting, iaitu nilai percaya kepada tuhan supaya tidak terpesong dan mempunyai panduan sekiranya berlaku kekeliruan atau kesusahan dalam kehidupan.

Cerita rakyat yang seterusnya bertajuk *Raja Kuyuk*. Cerita rakyat ini mengandungi nilai kemanusiaan yang sangat ketara. Hal ini digambarkan dalam petikan 10 di bawah:

Petikan 10

“Raja Kuyuk berasa hairan lalu bertanya kepada raja Brunei Sultan Hasyim, “Maaf jika beta bertanya, apakah yang kamu semua lakukan?” Sultan Hasyim pun menjawab, “Kami semua mengerjakan sembahyang lima waktu. Kami menyembah Tuhan kami

yang Maha Esa Allah SWT. Allah SWT yang mencipta langit dan bumi, mencipta segala makhluk di langit dan di bumi. Kami semua beragama Islam.

Raja Kuyuk tertarik mendengar penjelasan Sultan Hasyim lalu menyatakan hasratnya untuk menganut agama Islam.

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 54)

Berdasarkan petikan 10, jelas menunjukkan cerita ini menekankan aspek agama sebagai tunjang utama dalam cerita *Raja Kuyuk*. Cerita rakyat ini berkisarkan Raja Kuyuk yang tertarik untuk menganut agama Islam selepas melihat perbuatan yang dilakukan oleh Sultan Hasyim yakni bersembahyang lima waktu ketika berada di negeri Raja Kuyuk iaitu Bukit Selingai. Rentetan itu, Sultan Hasyim sebagai watak yang berperanan sebagai pembuka minda dan pencetus kesedaran mengenai kehidupan beragama khususnya agama Islam terhadap Raja Kuyuk yang belum mengenali agama Islam. Tegasnya, gambaran mengenai nilai percaya terhadap Islam dan Allah SWT merupakan salah satu nilai kemanusiaan yang sangat dituntut dalam kehidupan. Selain itu, nilai ini sangat jelas disampaikan dalam cerita rakyat yang bertajuk *Raja Kuyuk* dan mengajak khalayak untuk lebih menghargai agama Islam.

Nilai percaya kepada tuhan berkait rapat dengan konsep rohani yang diperkatakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), bahawa menghargai pemberian tuhan dan manusia harus sedar bahawa setiap nikmat termasuk nikmat beragama Islam adalah berpunca daripada Allah SWT. Oleh itu, umat manusia seharusnya memupuk nilai percaya kepada tuhan supaya dapat menjalani kehidupan beragama secara sistematik.

Selain itu, prinsip Takmilah yang diilhamkan oleh Shafei Abu Bakar pada tahun 1997, iaitu ketuhanan bersifat Kamal juga sesuai diaplikasikan dalam analisis ini. Hal ini demikian kerana cerita lisan ini telah menggariskan nilai kemanusiaan, iaitu nilai percaya kepada tuhan. Sehubungan itu, prinsip ini menekankan aspek menghuraikan hubungan dua sifat Allah SWT iaitu Kamal (sempurna) dan Jamal (keindahan). Dalam konteks ini manusia yang menerima nikmat agama Islam daripada Allah SWT harus kekal percaya kepada tuhan supaya kehidupan sentiasa diredhai Allah. Oleh itu, prinsip ini dapat dipertalikan dengan nilai kemanusiaan yakni nilai percaya kepada tuhan dan seterusnya dapat memupuk khalayak supaya sentiasa mengekalkan rasa percaya kepada tuhan yakni Allah SWT. Sepertimana yang ditegaskan oleh Kamariah Kamaruddin (2016), sastera yang baik dan bermutu adalah dapat memupuk masyarakat ke arah kemurnian dan kesejahteraan.

KESIMPULAN

Nilai kemanusiaan dalam cerita lisan Melayu dilihat amat berpotensi untuk dijadikan suri teladan kepada khalayak. Hasil penelitian terhadap aspek nilai kemanusiaan dalam cerita lisan Melayu mendapati bahawa cerita lisan Melayu sememangnya sarat dengan nilai kemanusiaan yang merupakan kearifan tempatan orang Melayu zaman lampau dalam mengolah cerita lisan. Sehubungan itu, garapan teori Takmilah seiring dengan prinsip-prinsipnya telah berjaya memberi gambaran yang lebih jelas mengenai hubungan nilai kemanusiaan dengan kehidupan manusia dan cerita lisan itu sendiri. Rentetan itu, cerita lisan Melayu tidak seharusnya dipandang remeh atau dianggap tidak memberi faedah. Hal ini demikian kerana cerita lisan Melayu berupaya untuk mengubah minda dan sahsiah sesiapa sahaja yang mendalaminya. Oleh itu, khazanah yang tidak ternilai ini harus dipelihara dan terus dikaji supaya ianya kekal dan dapat dijadikan pedoman untuk generasi akan datang.

RUJUKAN

- Achmad D. Marimba. (1981). *Pengantar Filsafat Pendidikan Islam*. Bandung: Penerbit Al-Maruf.
- Azhariah Abdul Kadir. (2010). *Ketaatan Rakyat Malaysia Terhadap Kepimpinan Negara Ditinjau Menurut Perspektif Teori Ulu Al-Amr*. Ijazah Sarjana Syariah. Jabatan Siasah Syar'iyah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Azmin Yusoff dan Muhamad Ismail Abdullah (2017). Adab Unggul Islam dalam Persahabatan Antara Islam. *Malaysian Online Journal of Education*. 1 (2), 102-112.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Kamariah Kamaruddin, Tengku Intan Marlina Tengku Mohamad Ali & Mawar Safei. (2016). *Takmilah, Semiotik & Intertekstualiti dalam Karya Melayu*. Kuala Lumpur: Visual Print Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan*. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim, (2014). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-kanak Melalui Nilai Murni. *Journal of Business and Social Development*. 2 (2), 74-85.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Seuntai Nilai-Nilai Murni dalam Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim, (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal Of Business and Social Development*. 4 (2), 48-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Taib Osman. (1965). *Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Penerbit Federal Berhad.
- Normaliza Abd. Rahim, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Awang Azman Awang Pawi, (2016). Dissemination of Values through the E-Folklore. *TOJET: The Turkish Online Journal of Education Technology*. 16 (1), 32-36.
- Rezki Perdani Sawai, Salhah Abdullah, Dini Farhana Baharuddin & Noranis Ismail. (2009, Julai). *Penerapan Nilai-Nilai Islam Melalui Penggunaan Media dalam Pendidikan*. Seminar Kebangsaan Media dan Pemikiran Islam. Hotel Equatorial, Bangi.
- Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa. (2019). Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 12(2), 291-319.
- Shafei Abu Bakar. (1997). *Estetika dan Takmilah* dlm. Mana Sikana. Pembangunan Seni dan Sastera. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu FSKK.
- Sujud, A., Bt Razali, L. S., & Nik Muhammad Affendi, N. R. (2011). Fenomena Sosial dalam Cerita Rakyat Kanak-Kanak. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2, 138-151
- Surina Nayan. (2001). Nilai Hormat di Kalangan Pelajar UITM Perlis Terhadap Penyarah (dari Perspektif Pensyarah. *Jurnal Intelek*. 6 (1), 132-141.
- Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir. (2017). *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Edukid Publication Sdn. Bhd.
- Zakeria, S. Z., & Nik Muhamad Affendi, N. R. (2014). Konflik dalam Cerita Rakyat dan Kesannya kepada Kanak-kanak. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 5, 185 - 206